

# Punca kes jangkitan HIV meningkat

H M 14/12/08 N/A 11

**R**EMBAU: Seks bebas dan berkongsi jarum suntikan dadah menjadikan purata lapan kes jangkitan HIV baru di kesan di negeri ini pada setiap bulan, kata Timbalan Pengarah Kesihatan negeri, Dr Omar Mihat.

Beliau berkata, berdasarkan statistik dalam tempoh 11 bulan pertama tahun ini, sebanyak 98 kes jangkitan HIV baru

dan 92 kes Aids di kesan dengan 72 kes kematian dilaporkan.

"Kita dapati punca menular penyakit berbahaya ini disebabkan perkongsian jarum suntikan dan seks bebas selain melalui perkahwinan," katanya pada Majlis Olek Sekampung dan Sambutan Hari Aids Sedunia di Kota, di sini, semalam.

Majlis itu dirasmikan

oleh Exco Kesihatan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ismail Taib dan turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) Sawah Raja, Nayan Bakar.

Dr Omar berkata, jumlah terkumpul kes HIV/Aids dari 1986 hingga November lalu pula mendapati seramai 5,625 orang dijangkiti HIV ma-

nakala seramai 862 di kesan menghidap Aids dengan 607 kematian.

Bagaimanapun, katanya, statistik itu menurun sejak dua tahun kebelakangan ini berikutan pelbagai langkah kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) seperti program Terapi Penggantian Dadah Methadone (TPDM) yang mencatatkan seramai 457 penagih

dadah mendaftar untuk mendapatkan rawatan itu di enam kemudahan kesihatan kerajaan dan sebuah klinik swasta sejak dimulakan pada 2006 hingga Oktober lalu.

Selain itu, beliau berkata, klinik Kesihatan Tampin menjadi perintis pelaksanaan program pertukaran jarum dan alat suntikan yang bermula 15 Oktober lalu.